

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]**

**TARIKH : 3.11.2014**

**SOALAN :**

Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapakah Kerajaan Pusat mengurangkan jumlah pengambilan pelajar yang mengikuti bidang perubatan di semua universiti Kerajaan pada tahun 2014. Adakah pelajar-pelajar yang gagal diberikan bidang perubatan akan diberikan peluang lagi selepas rayuan dibuat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah menetapkan kuota pengambilan pelajar bagi mana-mana program pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), termasuklah program pengajian perubatan. Bilangan tempat yang ditawarkan oleh IPTA adalah ditentukan oleh Senat IPTA masing-masing, setelah mengambil kira nisbah pensyarah dan pelajar, kemudahan pengajaran dan pembelajaran (P&P), kemudahan tempat latihan/praktikal, serta peruntukan yang sedia ada di IPTA. Pengambilan pelajar bagi program pengajian perubatan bukan sahaja berasaskan pencapaian akademik calon yang cemerlang, tetapi aspek kualiti calon yang memohon juga turut diberi keutamaan. Dengan bilangan calon yang memperoleh keputusan cemerlang meningkat saban tahun, maka persaingan bagi

mendapatkan tempat di IPTA terutamanya dalam program pengajian kompetitif seperti perubatan adalah sangat sengit. Justeru, pencapaian akademik yang cemerlang sahaja tidak mencukupi untuk menjamin calon ditawarkan ke program pengajian kompetitif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kemasukan pelajar ke IPTA adalah sangat kompetitif kerana bilangan tempat yang disediakan adalah terhad bagi menampung permintaan yang semakin meningkat. Hanya pemohon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut susunan merit, pilihan program pengajian yang dimohon mengikut keutamaan, pilihan IPTA serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Kementerian amat prihatin dengan pemohon yang memperoleh merit yang tinggi tetapi tidak mendapat tawaran di mana-mana IPTA. Pemohon berkaitan berpeluang menerima tawaran berdasarkan tiga (3) bidang pilihan yang dipilih oleh pemohon semasa mengemukakan permohonan. Tawaran tersebut tertakluk kepada kekosongan tempat di IPTA dan pernyataan setuju terima pemohon untuk menerima tawaran di luar pilihan program pengajian mereka.